

PENANGKAPAN BERKAITAN PENGANASAN

November -Disember 2015

27 lelaki warga Bangladesh yang bekerja di sini diberkas. Sebahagiannya mahu melakukan jihad bersenjata di luar negara, meskipun mereka tidak merancang melancarkan serangan di Singapura.

April 2016

1. Lapan pekerja warga Bangladesh yang merancang melakukan serangan pengganasan di negara mereka telah ditahan. Berusia antara 26 hingga 34 tahun, mereka sebahagian daripada kumpulan yang dinamakan Negara Islam Bangladesh (ISB) dan merancang menyertai kumpulan militan IS di Syria dan Iraq.



RAI KEMENANGAN: Tentara Iraq membawa bendera IS yang dirampas selepas mereka menawan sebahagian bandar Mosul pada 8 Julai lalu.

2. Bekas tahanan ISA, Muhammad Fadil Abdul Hamid, 27 tahun, ditahan semula di bawah ISA bagi kerana bercadang mahu menyertai ISIS. Walaupun telah mula menyepadukan diri dalam masyarakat, dia sekali lagi terpengaruh oleh bahan radikal dalam talian.



PENGARUH LUAR:

Sekurang-kurangnya dua warga Singapura dipengaruhi Radio Hang, berpangkalan di Batam, yang pernah memaparkan penceramah dengan pandangan pelampau.

Ogos 2016

Empat warga Singapura dikenakan tindakan di bawah ISA. Rosli Hamzah, 50 tahun, seorang pencuci kereta, dan Mohamed Omar Mahadi, 33 tahun, seorang pemandu lori sampah, dikenakan Perintah Tahanan (OD). Kedua-duanya mendengar siaran radio berteras agama Batam, Radio Hang, dan dikenalkan kepada bahan radikal di media sosial. Dua lagi dikenakan RO: isteri Omar, suri rumah Dian Faezah Ismail, 34 tahun, yang menyokong ISIS, dan Mohamad Reiney Noor Mohd, 26 tahun, seorang teknisyen bangunan, yang menemui bahan radikal berkaitan IS semasa mencari pengetahuan agama secara online.



PENGARUHI YANG LAIN: Zulfikar Mohamad Shariff giat menyebarkan ideologi radikal dalam media sosial sehingga meradikalkan sekurang-kurangnya dua warga lain.

Julai 2016

Zulfikar Mohamad Shariff, 44 tahun, yang giat menyebarkan ideologi radikal dalam media sosial sehingga meradikalkan sekurang-kurangnya dua warga lain, ditahan.

Dua lelaki itu ialah peniaga Mohamed Saiddhin Abdullah, 33 tahun, yang dikenakan Perintah Sekatan (RO), dan pengawal keselamatan Muhammad Shamin Mohamed Sidik, 29 tahun, yang ditahan di bawah ISA.

Seorang lulusan madrasah berusia 17 tahun dikenakan RO kerana menjadi radikal selepas menonton video, laman web dan media sosial pro-IS.

September 2016

Asrul Alias, seorang teknisyen, diletakkan di bawah RO kerana menyokong ISIS. Dia dipengaruhi propaganda pro-ISIS selepas membaca bahan dalam talian mengenai konflik di Syria.

Jun 2017

Penolong penjaga bayi, Syaikhah Izzah Zahrah Al Ansari, 22 tahun, menjadi wanita pertama ditahan kerana menjadi radikal. Dia ingin ke Syria untuk menjadi balu kepada suami yang mati syahid. Dua pegawai Aetos diberkas. Muhammad Khairul Mohamed, 24 tahun, dikenakan OD kerana ingin menyertai perjuangan bersenjata di Syria; dan rakannya Mohamad Rizal Wahid, 36 tahun, dikenakan RO kerana menyokong niatnya.

Julai 2017

Bekas pengarah urusan syarikat logistik, Imran Kassim, 34 tahun, dikenakan OD kerana cuba menyertai perjuangan bersenjata di luar negara. Penolong pentadbiran Shakirah Begam Abdul Wahab, 23 tahun, pula dikenakan RO kerana memulakan dan mengekalkan hubungan dengan pejuang pengganasan asing.